

18/02/1999

Masyarakat Cina terus sokong Dr M

RAWANG, Rabu - Masyarakat Cina di negara ini akan terus menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tidak akan terpengaruh dengan dakwah sesetengah pihak yang mahukan pemimpin itu meletakkan jawatan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata tidak ada sebab bagi masyarakat Cina menyertai pakatan mendesak Dr Mahathir berundur, selepas mendapat nikmat daripada pembangunan negara.

"Saya tidak menganggap masyarakat Cina akan turut serta dalam pakatan meminta Dr Mahathir berundur.

"Petunjuk sedia ada jelas membuktikan masyarakat Cina akan terus menyokong kepemimpinan Dr Mahathir dan Barisan Nasional (BN)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan Tahun Baru Cina anjuran MCA Selayang, di sini hari ini.

Turut hadir Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh; Naib Presiden, Datuk Ong Ka Ting; Ahli Parlimen Selayang, Datuk Chan Kong Choy dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rawang, Tang See Hang.

Dr Ling berkata, mereka yang menyertai gerakan mendesak Perdana Menteri berundur adalah golongan yang menerima maklumat tidak betul dan hanya membabitkan kelompok kecil.

"Kegiatan kumpulan itu tidak menggambarkan keseluruhan hasrat rakyat. Kami masyarakat Cina benar-benar menghargai kepemimpinan Dr Mahathir dan tidak sekali-kali akan bertindak seperti itu," katanya.

Beliau berkata, MCA menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin kelas pertama yang benar-benar mampu melaksanakan tugas sebagai pemimpin dengan pelbagai kelebihan yang dimilikinya.

"Saya yakin negara lain jika mempunyai pemimpin yang baik, bijak, berpandangan jauh dan sentiasa prihatin terhadap kehendak rakyat, mereka akan mengekalkan pemimpin itu.

"Itulah pendirian MCA yang mana kita akan terus menyokong Dr Mahathir selagi beliau masih sihat dan kuat mental untuk memimpin negara ini," katanya.

Dr Ling berkata, MCA tidak mempunyai alasan tersendiri mengapa menghebahkan sokongan terhadap Perdana Menteri ketika ini.

"Kita tidak ada alasan khusus untuk itu. Ia hanyalah mesej tahun baru bagi menggambarkan pendirian parti terhadap Dr Mahathir," katanya.

Mengenai pendirian MCA terhadap pelantikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata:

"Pak Lah bukanlah orang baru dalam arena politik negara. Beliau sudah menjawat banyak jawatan dan membuktikan kemampuannya.

"Beliau mempunyai personaliti yang kukuh dan sentiasa berada di samping Perdana Menteri untuk membantu tugasnya."

Beliau berkata, MCA juga tidak pernah membincangkan isu sama ada mahu mencadangkan supaya pemimpin parti itu dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Isu itu tidak timbul dan kita tidak pernah membincangkannya," katanya.

(END)